

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN  
RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
[ SIMPANG RENGAM ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan apakah status terkini program Sasterawan di universiti dan minta disenaraikan sasterawan-sasterawan tamu di Universiti Awam (UA) sehingga hari ini.

**JAWAPAN**

Kementerian menerusi Universiti Awam (UA) sentiasa menyokong penuh usaha bagi memartabatkan golongan sasterawan dan menyanjung hasil seni para sasterawan kita. Dalam hubungan ini, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) melalui Jabatan Pendidikan Tinggi (JPT) telah mewujudkan satu program di universiti awam yang melibatkan penggiat sastera khususnya Sasterawan Negara yang dinamakan program 'Sasterawan di Universiti'. Matlamat utama program ini adalah bagi membolehkan Sasterawan Negara berkongsi ilmu dan pengetahuan berkaitan dengan kesusasteraan dengan warga universiti khususnya mahasiswa.

Pelbagai program dan aktiviti yang melibatkan Sasterawan Negara dan telah dilaksanakan di UA. Sejak mula dilaksanakan pada tahun 2019 sehingga September 2021, sebanyak 90 program yang melibatkan Sasterawan Negara telah dilaksanakan dengan jayanya oleh UA. Semua inisiatif berterusan dan program yang direncanakan ini adalah bagi menghargai jasa serta sumbangan sasterawan menerusi hasil-hasil nukilan mereka agar terus mekar melangkaui generasi.

Sehingga hari ini, terdapat 20 orang sasterawan dan karyawan yang telah dilantik di UA sama ada sebagai Profesor Adjung, Sasterawan Tamu, Karyawan Tamu, Pensyarah Jemputan dan jawatan-jawatan lain yang bersesuaian. Senarainya adalah seperti yang berikut:

<b>BIL.</b>	<b>UNIVERSITI</b>	<b>NAMA SASTERAWAN/KARYAWAN</b>
1.	USIM	Prof. Emeritus Dr. Mohamad Bin Hj. Salleh
2.	UTM	YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Hatta Shahrarom
3.	UPNM	YBhg. SN Dato' Dr. Mohd Anuar bin Haji Rethwan
4.	UMS	Prof. Emeritus Dr. Mohamad Bin Hj. Salleh
5.	UniMAS	YBhg Datu Dr Haji Adi Badiozaman Tuah
6.	UniSZA	YBhg. Datuk Seri A Samad Said
7.	UTHM	YBhg. Tan Sri Johan Jaaffar
8.	UIAM	Prof. Emeritus Dr. Mohamad Bin Hj. Salleh
9.	UITM	YBhg. SN Dato' (DR) Baharuddin bin Haji Zainal (Baha Zain)
10.	UM	Prof. Emeritus Dr. Mohamad Bin Hj. Salleh
11.	UMK	YBhg. Dato' Dr. Mohd Anwar Rethwan
12.	UMT	YBhg. Dato' Dr. Mohd Anwar Ridhwan YBhg. Datuk Dr. Zurinah Hassan YBhg. Prof. Emeritus Dr. Muhammad Haji Salleh
13.	UniMAP	YBhg. Dato' Dr. Zurinah Hassan
14.	UPM	YBhg. Datuk Dr. Awang Sariyan Tuan Kee Thuan Chye
15.	UPSI	Prof. Madya Fauzan Bin Omar YBhg. Datuk Seri A Samad Said
16.	USM	Prof. Emeritus Dr. Mohamad Bin Hj. Salleh YBhg Datuk Dr. Ahmad Khamal Abdullah (Kemala)
17.	UTeM	YBhg. Prof. Datuk Dr. Mohamed Hatta Shahrarom
18.	UKM	YBhg. Dato' Dr. Mohd Anwar Ridhwan
19.	UUM	YBhg. Dato' Dr. Zurinah Hassan
20.	UMP	YBhg. Dato' Dr. Zurinah Hassan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
(SIMPANG RENGAM)**

**SOALAN**

**DR. MASZLEE BIN MALIK** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah Kementerian masih meneruskan usaha pemerkasaan dasar perlindungan kanak-kanak KPM seperti yang termaktub pada Memo Menteri Pendidikan pada 13 Disember 2019, rujukan: KPM.YBM. 100 4/3/3 JH.2(23) demi menjadikan sekolah tempat yang selamat dari sebarang salah laku seksual.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil serius isu gangguan seksual dalam kalangan murid, guru mahupun warga sekolah yang lain. Bagi pencegahan gangguan seksual di sekolah, KPM melalui perkhidmatan bimbingan dan kaunseling melaksanakan intervensi dengan menggunakan Modul Intervensi Jenayah Seksual Kanak-Kanak di Sekolah (IHSAN). Modul ini antara lain, memberi pemahaman serta meningkatkan kesedaran murid berkaitan jenayah seksual.

Program kesedaran berterusan dilaksanakan oleh KPM dengan kerjasama agensi kerajaan atau bukan kerajaan dalam menyebarkan maklumat psikopendidikan, kesihatan reproduktif dan ancaman gangguan seksual. Selain itu, Pegawai Perhubungan Sekolah (PPS) dari Polis Diraja Malaysia (PDRM) yang ditempatkan di semua sekolah KPM, turut memainkan peranan untuk memastikan keselamatan murid. Ini termasuklah salah laku jenayah seperti gangguan seksual dan masalah disiplin. PPS mengadakan lawatan ke sekolah sebanyak 2 kali sebulan bagi memberi ceramah berkaitan pencegahan jenayah kepada murid dan juga sebaran maklumat di papan kenyataan PPS yang disediakan di semua sekolah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan peraturan sedia ada, murid hendaklah melaporkan gangguan seksual kepada Pengetua/Guru Besar agar pihak sekolah dapat mengambil tindakan segera menangani isu tersebut. Laporan boleh dibuat terus kepada Pengetua/Guru Besar atau melalui peti aduan murid atau guru yang dipercayai oleh murid. Pihak sekolah atau ibu bapa/penjaga boleh melaporkan kes gangguan seksual kepada pihak PDRM agar siasatan dan tindakan sewajarnya dapat diambil.

Sekiranya suspek adalah murid, pihak sekolah akan segera melaksanakan siasatan terhadap aduan yang diterima berdasarkan tatacara Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 7 Tahun 2011: Pelaksanaan *Standard Operating Procedure* (SOP) 1:3:7 Pelaporan dan Tindakan Menangani Isu Disiplin Murid bertarikh 28 Jun 2011. Sekiranya murid

tersebut terbukti bersalah melakukan salah laku gangguan seksual, Pengetua/Guru Besar boleh mengenakan tindakan disiplin ke atas murid termasuk dibuang sekolah. Sekiranya terdapat laporan polis, siasatan dan tindakan akan diambil oleh pihak PDRM di bawah undang-undang berkaitan.

Sekiranya suspek adalah warga sekolah, pihak sekolah akan membuat laporan kepada PPD untuk siasatan. Sementara dalam siasatan, suspek akan ditempatkan di PPD/JPN secara pentadbiran. Jika siasatan di peringkat KPM mendapati wujudnya kes prima facie, tindakan tatatertib di bawah Peraturan 4A Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U. (A)395/1993] akan dimulakan terhadap pelaku. Pegawai yang didapati bersalah boleh dijatuhkan hukuman seperti amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat ataupun dibuang kerja. Pada masa yang sama, pihak sekolah akan membuat laporan kepada pihak PDRM. Seterusnya siasatan dan tindakan akan diambil oleh pihak PDRM di bawah undang-undang berkaitan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM sentiasa memberi sokongan kepada permandiri/mangsa gangguan seksual di sekolah. Guru Bimbingan dan Kaunseling di sekolah berperanan memberikan sokongan kepada mangsa terlibat melalui sesi kaunseling bagi memastikan kesejahteraan, kesihatan, keselamatan serta kebajikan murid terpelihara. Bagi menjaga kebajikan dan emosi murid, KPM turut membenarkan murid tersebut berpindah ke sekolah lain di atas permohonan ibu bapa/penjaga murid.

Bagi pelan jangka panjang, KPM sedang membuat penelitian dan semakan berkaitan peraturan-peraturan disiplin murid termasuk salah laku gangguan seksual. Peraturan baharu yang lebih komprehensif sedang dirangka bagi menggantikan peraturan sedia ada.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
(SIMPANG RENGAM)**

**SOALAN**

**DR. MASZLEE BIN MALIK** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kerajaan untuk membantu industri penerbitan dan perbukuan di negara ini.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha memacu industri penerbitan dan perbukuan negara telah dilaksanakan oleh pelbagai agensi di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) seperti Majlis Buku Kebangsaan Malaysia (MBKM), Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) serta Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM).

MBKM melaksanakan peranannya dalam usaha menggalakkan penerokaan pelbagai ilmu dan penghasilan buku dalam pelbagai bahasa untuk dimanfaatkan oleh semua golongan masyarakat di Malaysia sekaligus meningkatkan persaingan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Hal ini dapat dilihat melalui objektif Dasar Buku Negara (DBN) yang menjadi dasar dan garis panduan perbukuan sejak tahun 1968. DBN sedang ditambah baik dengan semakan dan kajian semula agar kekal relevan dan selari dengan perubahan semasa dan perkembangan teknologi. Penambahbaikan DBN ini akan memberikan impak kepada pembangunan sosioekonomi, kerjasama serantau dan rangsangan ekonomi.

Selain itu, DBP terus giat menerbitkan judul baharu dalam bentuk bercetak dan digital pada setiap tahun yang meliputi pelbagai bidang seperti bahasa, sastera, sains sosial, sains kemanusiaan, sains teknologi dan agama. Pelantar digital JendelaDBP merupakan pusat sehenti digital bagi menyebarkan maklumat berkaitan bahasa, sastera, penerbitan dan bidang lain termasuklah sains dan teknologi. Kandungan bahan dalam pelantar ini dapat dioptimumkan sebagai medan pertukaran kandungan antara penulis tempatan dengan pengguna bahasa Melayu dari seluruh dunia. Pelantar ini menyediakan peluang yang lebih luas kepada penulis pelbagai genre untuk berkarya secara digital.

Di samping itu, KPM juga turut mengaktifkan usaha pembangunan modal insan melalui kursus-kursus penulisan, penterjemahan dan

penerbitan yang dilaksanakan ITBM. Inisiatif ini bertujuan menggalakkan masyarakat menjadi penulis dalam memperkayakan kepustakaan bahasa Melayu. Usaha ini juga dipergiatkan kepada ahli akademik untuk membukukan pengalaman, bahan kajian dan penyelidikan seperti Program Penerbitan Tesis kepada Buku.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun industri perbukuan terkesan akibat pandemik COVID-19, pelbagai inisiatif yang dirancang tetap diteruskan. Sebagai contoh, Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) tahun 2020 dalam talian telah diadakan bagi menggantikan pesta buku secara bersemuka dengan kerjasama sebuah syarikat e-dagang. Pesta ini melibatkan sebanyak 48 syarikat atau penjual dengan jumlah tempahan sebanyak 27,654. Melalui inisiatif tersebut, buku yang terjual adalah sebanyak 59,066 buah naskhah dalam tempoh 17 hari pesta buku ini berlangsung.

Pada tahun 2021, PBAKL telah diteruskan secara dalam talian. Sebanyak 111 syarikat telah mengambil bahagian dengan jualan sebanyak 156,959 unit dalam tempoh 17 hari pesta buku ini berlangsung. Mengikut rekod jualan, statistik jualan buku pada tiga hari pertama pesta buku dalam talian ini menunjukkan peningkatan yang sangat memberangsangkan, iaitu sebanyak 178% berbanding statistik jualan buku bagi tempoh yang sama pada tahun 2020. Ini merupakan satu pencapaian yang sangat baik bagi jualan buku melalui platform e-dagang pada peringkat nasional.

Perkembangan teknologi diakui memainkan peranan penting dalam memajukan industri perbukuan negara. Pemain industri perlu menyesuaikan setiap perancangan dan keputusan perniagaan dengan sikap dan perilaku pembaca yang semakin cenderung kepada pembacaan digital dan pembelian dalam talian.

KPM dan agensi terlibat akan terus berusaha memartabatkan industri perbukuan melalui kerjasama erat dengan pelbagai pihak berkaitan bagi menghasilkan karya berkualiti seiring dengan perkembangan dan keperluan semasa.



**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DR. MASZLEE BIN MALIK  
(SIMPANG RENGAM)**

**SOALAN**

**DR. MASZLEE BIN MALIK** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah bayaran dari KPM kepada Media Prima untuk mengendalikan Didik TV dan apakah pemilihan syarikat TV swasta untuk mengendalikan TV Pendidikan itu telah melalui proses open-tender. Mengapa tidak menggunakan saluran-saluran di RTM secara sepenuhnya? ; dan
- (b) siapakah yang memiliki hakcipta bahan-bahan yang telah dihasilkan tersebut.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, nilai kontrak bagi pelaksanaan saluran khusus DidikTV Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah bernilai RM 72,716,000.00 (termasuk cukai perkhidmatan) dan pembayaran dibuat berdasarkan kepada perkhidmatan yang telah diberikan oleh Syarikat Media Prima Berhad (MPB). Sehingga kini sejumlah RM 59,760,086.40 juta (termasuk cukai perkhidmatan) telah dibuat oleh KPM kepada Syarikat Media Prima Berhad (MPB) bagi kontrak saluran khusus DidikTV KPM.

Untuk makluman Yang Berhormat jua, KPM telah mengadakan mesyuarat dengan pihak RTM dan Media Prima Berhad (MPB) pada 25 Januari 2021 bagi meneliti cadangan pelaksanaan saluran khas TV Pendidikan KPM. Berdasarkan kepada perbincangan tersebut, KPM bersetuju untuk menerima cadangan daripada MPB berdasarkan justifikasi berikut:

- (i) saluran MPB di televisyen melalui kaedah *terrestrial* boleh diakses secara percuma;
- (ii) MPB mempunyai liputan siaran yang luas dan jumlah penonton yang tinggi merentasi pelbagai platform media seperti televisyen, radio, media digital, media cetak dan pengiklanan *out-of-home* (papan iklan statik dan LED);
- (iii) MPB memperuntukkan saluran media sedia ada iaitu NTV7, khusus untuk program TV Pendidikan KPM;
- (iv) MPB berkeupayaan menghasilkan bahan kandungan secara *in-house* dengan bantuan teknikal dan infrastruktur seperti penerbit dan studio rakaman;
- (v) MPB menyediakan kandungan interaktif pendidikan untuk

memberikan lebih akses dan nilai tambah kepada murid; dan

- (vi) Implikasi kos kepada KPM berdasarkan tawaran MPB adalah lebih rendah berbanding tawaran RTM. Selain itu, MPB turut bersetuju memberikan nilai tambah (*added value*) dalam bentuk promosi.

KPM mengambil keputusan untuk tidak memilih RTM kerana RTM hanya menyediakan saluran khusus TV Pendidikan sahaja tanpa penyediaan kandungan bagi TV Pendidikan KPM dan tanpa sokongan teknikal seperti tenaga kerja pakar bagi penerbitan kandungan, studio rakaman dan peralatan teknikal bagi *live recording*. Ianya perlu disediakan sendiri oleh KPM dan pembangunan kandungan secara *in-house*. Sekiranya perkara-perkara tersebut perlu disediakan oleh RTM, ianya akan melibatkan kos yang lebih tinggi berbanding tawaran oleh MPB. Selain itu, RTM turut memerlukan tempoh masa yang lebih lama untuk bersedia bagi melaksanakan perkhidmatan TV Pendidikan KPM.

Selanjutnya, cadangan perolehan perkhidmatan penyiaran MPB secara rundingan terus telah dikemukakan dan diluluskan Kementerian Kewangan Malaysia (MoF). Pelaksanaan perolehan secara rundingan terus ini adalah berdasarkan kepada faktor kesegeraan dan kesediaan di pihak MPB untuk melaksanakan perkhidmatan ini dalam tempoh yang paling cepat (*rapid execution*).

- (b) Hak cipta video pendidikan yang diterbitkan di bawah perjanjian dengan MPB adalah menjadi hak milik penuh Kerajaan. Namun, pengecualian diberikan untuk rancangan sindikasi atau kandungan pelesenan pihak ketiga bagi tujuan didik hibur atau rancangan lain iaitu *branded content* yang dibiayai daripada sumber atau hasil pengiklanan dan penajaan khusus.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI  
[LAHAD DATU ]**

**SOALAN**

**DATUK MOHAMADDIN BIN KETAPI** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jenis vaksin, jumlah saringan, jumlah kes dan jumlah kematian akibat COVID-19 di Parlimen Lahad Datu bagi tahun 2021 mengikut pecahan bulan dan Dewan Undangan Negeri di Parlimen Lahad Datu.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

- Bermula dari Bulan Mac 2021, terdapat 3 jenis Vaksin yang diberikan di Parlimen Lahad Datu iaitu *Pfizer*, *Sinovac* dan *Cansino*. Sehingga 6 Disember 2021 sejumlah 174,012 dos vaksin telah diberikan yang meliputi 128,763 unit *Pfizer*, 27561 dos *Sinovac* dan 17,688 dos *Cansino*. Jumlah Dos mengikut jenis Vaksin yang diberikan di Parlimen Lahad Datu dinyatakan dalam Jadual dibawah:

<b>BULAN / JENIS VAKSIN</b>	<b>PFIZER</b>	<b>SINOVAC</b>	<b>CANSINO</b>	<b>TOTAL</b>
<b>Mac</b>	58		N/A	58
<b>April</b>	3,687		N/A	3,687
<b>Mei</b>	1,806	402	N/A	2,208
<b>Jun</b>	4,694	4,633	N/A	9,327

**SOALAN NO : 228**

<b>Julai</b>	9,920	4,526	N/A	14,446
<b>Ogos</b>	20,396	11,984	10,000	42,380
<b>September</b>	40,141	5,777	6,912	52,830
<b>Oktober</b>	39,750	150	505	40,405
<b>November</b>	7,942	87	158	8,187
<b>Dis(6 Dec)</b>	369	2	113	484
<b>JUMLAH</b>	<b>128763</b>	<b>27,561</b>	<b>17,688</b>	<b>174,012</b>

2. Terdapat 3 jenis ujian saringan bagi virus SARs-CoV-2 di negara pada ketika ini, iaitu ujian PCR, RTK Ag oleh Profesional dan RTK Ag yang dilakukan secara sendiri. Bagi negeri Sabah, khususnya di Parlimen Lahad Datu, kesemua jenis ujian ini digunakan sebagai ujian pengesahan pengesanan COVID-19 dalam pengurusan kes positif, pengurusan kontak rapat dan garis panduan kuarantin sendiri.
3. Sehingga 6 Disember 2021 jumlah saringan di Parlimen Lahad Datu adalah seperti berikut:

<b>BULAN / JENIS UJIAN</b>	<b>PCR</b>	<b>RTK (P)</b>	<b>RTK (K)</b>	<b>KADAR POSITIF</b>
<b>Januari</b>	5,730	29,042		86.83%
<b>Februari</b>	2,711	14,985		85.70%
<b>Mac</b>	1,565	10,662		87.61%
<b>April</b>	2,338	11,074		83.66%
<b>Mei</b>	1,905	8,110		82.30%
<b>Jun</b>	3,779	6,531		66.32%
<b>Julai</b>	2,360	7,201		2.87%
<b>Ogos</b>	5,459	13,225	515	16.35%
<b>September</b>	3,087	14,915	1,672	21.14%
<b>Oktober</b>	2,139	8,617	1,782	11.52%
<b>November</b>	230	7,681	1,366	22.04%

**SOALAN NO : 228**

4. Sehingga 5 Disember 2021 di Parlimen Lahad Datu, sejumlah 9,027 kes positif telah dicatatkan dengan 130 kes kematian. Jumlah kes positif dan jumlah kematian mengikut bulan di Parlimen Lahad Datu dinyatakan dalam Jadual dibawah:

<b>BULAN</b>	<b>Kes Positif</b>	<b>Kes Kematian</b>
Januari	1300	15
Februari	284	2
Mac	64	0
April	342	3
Mei	260	7
Jun	377	4
Julai	181	8
Ogos	1908	7
September	2996	60
Oktober	994	18
November	287	5
Disember	34	1
<b>Total</b>	<b>9027</b>	<b>130</b>

Sekian, terima kasih.